



TEKS UCAPAN

**YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS PERASMIAN JAJARAN JALAN
PERSEKUTUAN DI KOMPLEKS
PETROLEUM BERSEPADU PENGERANG,
JOHOR**

PADA 26 SEPTEMBER 2019, KHAMIS

SALUTASI

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS

1. YANG AMAT BERHORMAT DATO' DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL
(MENTERI BESAR JOHOR)
2. AHLI-AHLI YANG BERHORMAT
3. YANG BERBAHAGIA DIF-DIF KEHORMAT
4. PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA,
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA DAN AGENSI DIBAWAH
KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI
5. YANG SAYA KASIH RAKAN-RAKAN MEDIA
6. SETERUSNYA SIDANG HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

PENDAHULUAN

Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor,

1. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dapat berkumpul bersama-sama dalam Majlis Perasmian Jajaran Jalan Persekutuan di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC), Negeri Johor. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Menteri Besar Johor, Dato' Dr. Sahruddin bin Jamal kerana sudi untuk turut sama menyempurnakan majlis kita pada hari ini.
2. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Kerajaan Negeri Johor, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Pejabat Daerah Kota Tinggi, Pejabat Tanah Kota Tinggi dan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang atas kerjasama dan sokongan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kerja-kerja pembinaan.
3. Tidak ketinggalan setinggi penghargaan juga kepada Johor Petroleum Development Corporation (JPDC) atas usaha gigih dan dedikasi memudahcara dan menyelaras kerja-kerja perancangan dan pembangunan projek prasarana Kerajaan Persekutuan di PIPC.

RANCANGAN MALAYSIA KE-11: KOMPLEKS PETROLEUM

BERSEPADU PENGERANG (PIPC).

4. Dalam Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM300.7 juta untuk membiayai projek infrastruktur jalan dan jambatan di Negeri Johor.
5. Kementerian Kerja Raya sememangnya amat berbesar hati dapat melaksanakan satu lagi projek yang dapat memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya penduduk dan pemain industri di kawasan Pengerang ini.
6. Jajaran jalan di PIPC sepanjang 23.8km dibahagikan kepada empat pakej dengan kos keseluruhan diluluskan sebanyak RM1.139 bilion. Semua pakej ini giat dilaksanakan bermula pada bulan Jun 2016 dan telah siap secara berperingkat sehingga September 2019.
7. Selain daripada membina empat pakej jalan raya dalam kawasan perindustrian baharu di PIPC, Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Malaysia turut menaiktaraf Jalan Persekutuan FT92 dari Bandar Penawar ke Sungai Rengit.

8. Kerja-kerja menaiktaraf ini melibatkan naiktaraf jalan dua lorong kepada empat lorong sepanjang 28 kilometer dan membina jalan baru empat lorong dua hala menghubungkan Jalan Persekutuan FT92 ke PULAREK sepanjang 15 kilometer.
9. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM729.3 juta bagi kedua-dua projek tersebut.
10. PIPC dirancang sebagai hab industri hiliran minyak dan gas terbesar di Malaysia, merangkumi kawasan seluas 22,000 ekar untuk menempatkan aktiviti pembuatan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, logistik dan sokongan berdasarkan industri hiliran minyak dan gas.
11. Pembangunan industri hiliran ini adalah satu komponen penting dalam usaha mempelbagaikan hasil pendapatan negara daripada sektor minyak dan gas, dan mengurangkan kebergantungan ekonomi kepada hasil pengeluaran dan penjualan minyak mentah semata-mata.
12. Untuk tujuan tersebut, JPDC, agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah diberi mandat untuk merancang, memudahcara, menyelaras dan mempromosi pembangunan PIPC,

khususnya melalui kerjasama dan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Johor, pihak berkuasa tempatan, serta pihak-pihak berkepentingan lain, termasuk para pelabur industri dan masyarakat tempatan.

13. Mengikut perancangan JPDC di bawah Pelan Induk Pembangunan PIPC sehingga tahun 2037, pembangunan keseluruhan PIPC dijangka mampu menyediakan kemudahan –kemudahan berikut:
 - i. penapisan minyak dengan kapasiti 1 juta tong sehari,
 - ii. kemudahan penyimpanan minyak dengan kapasiti 5 juta meter padu,
 - iii. loji pemrosesan petrokimia dengan kapasiti pengeluaran produk petrokimia mencecah 11.3 juta tan metrik setahun,
 - iv. dan loji regasifikasi dengan kapasiti 12.4 juta tan metrik setahun.
14. Pembangunan keseluruhan PIPC dijangka akan membawa masuk pelaburan industri berjumlah USD61 bilion.

15. Untuk Fasa Pertama pembangunan PIPC bagi tempoh dari 2012 hingga 2018, kita telah menyaksikan pelaburan direalisasi oleh DIALOG Group Berhad bernilai USD2.5 bilion untuk pembangunan Pengerang Deepwater Terminals. Manakala, PETRONAS dan rakan usahasamanya Saudi Aramco pula telah melabur sejumlah USD27 bilion untuk pembangunan Kompleks Bersepadu Pengerang.
16. Selain itu, Johor Corporation turut membangunkan Pengerang Industrial Park bernilai RM1.7 bilion, manakala Serba Dinamik Holdings pula membangunkan Pengerang eco-Industrial Park bernilai RM300 juta. Beberapa projek lain yang sedang dimuktamadkan.

PEMBANGUNAN PRASARANA DAN PERKEMBANGAN EKONOMI

SETEMPAT

Hadirin yang dihormati,

17. Sudah semestinya pembangunan kawasan industri berskala besar seperti PIPC menuntut penyediaan prasarana yang mampu menyokong kadar pertumbuhan ekonomi kawasan, keperluan industri, dan yang lebih penting memberi kemudahan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat.

18. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan berjumlah kira-kira RM2.5 bilion untuk 25 pakej projek pembangunan prasarana, utiliti dan kemudahan masyarakat di PIPC dan kawasan sekitar PIPC, termasuk rangkaian jalan raya baharu dan menaiktaraf jalan raya sedia ada.
19. Jajaran jalan di sepanjang Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur sokongan bermutu tinggi kepada hub industri pemprosesan minyak terutamanya kepada penggiat industri serta penduduk di Negeri Johor.
20. Saya amat yakin dan percaya bahawa pembinaan jajaran ini dapat mengurangkan kesesakan trafik di Jalan Persekutuan sedia ada terutamanya pada waktu puncak.

PENUTUP

21. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua agensi dan pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis kita pada hari ini.

22. Akhir kata, saya bersama-sama YAB Dato' Dr. Sahruddin bin Jamal akan merasmikan Jajaran Jalan Persekutuan di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang sebentar lagi.

Sekian, terima kasih.

God Bless